

06 AUG 2002

Chong-Sukma/I

SEMUA VENUE UNTUK SUKMA 2002 SIAP, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 6 Ogos (Bernama) -- Semua venue bagi 27 acara sukan sempena temasya Sukan Malaysia 2002 (Sukma 2002) yang dianjurkan oleh Sabah selaku tuan rumah bulan depan sudah siap untuk digunakan, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Kecuali sebahagian dari kerja-kerja menurap jalan masuk ke lapang sasaran di Lok Kawi yang masih dijalankan, kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf venue yang lain di sini, Papar dan Penampang sudahpun siap, sekaligus membuka laluan bagi Sabah untuk mementaskan temasya yang berjaya.

"Kami telah membelanjakan kira-kira RM123 juta untuk menyediakan venue dan infrastruktur yang berkaitan. Kami telah menjimatkan banyak wang...kami harap ia akan melebihi siling perbelanjaan sebanyak RM130 juta," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat terakhir jawatankuasa induk Sukma 2002 di sini.

Chong juga mengumumkan pelantikan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Datuk Yahya Hussin sebagai Chief-de-Mission bagi kontingen Sabah.

Upacara perasmian temasya berkenaan akan dilakukan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai pada 7 Sept manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menutupnya pada Sept 14.

Beberapa artis tempatan dan nasional, termasuk kumpulan lawak popular Senario dan penyanyi Siti Nurhaliza akan menghiburkan orang ramai pada upacara perasmian dan penutup temasya sukan itu.

Sementara itu, Chong menyeru semua pihak supaya memberikan sokongan penuh bagi memastikan kejayaan Sukma 2002.

Beliau menyuarakan harapannya supaya orang ramai memenuhi semua venue bagi meraikan temasya sukan itu yang dianjurkan oleh Sabah buat pertama kalinya.

"Ini ialah jemputan terbuka kepada semua terutamanya mereka yang tinggal di Kota Kinabalu dan sekitarnya," kata beliau lagi.

Tiada bayaran masuk dikenakan pada upacara perasmian dan penutup serta semua venue tempat acara-acara berlangsung.

-- BERNAMA

JS AO ROS